

02 AUG 1999

Wanita-Ketua

DUA NEGERI DAPAT KETUA BARU DALAM ROMBAKAN WANITA UMNO

KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) -- Wanita Umno hari ini mengumumkan satu rombakan termasuk pelantikan ketua baru bagi Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan dalam usaha memperkukuhkan lagi jentera pergerakan itu bagi menghadapi pilihan raya umum.

Senator Hajah Che Jam Harun dilantik sebagai Ketua Wanita Pulau Pinang menggantikan Hajah Sharifah Aminah Syed Mohamed manakala Mariany Mohamed Yit akan mengetuai Wanita Umno Wilayah Persekutuan menggantikan Azizah Abdul Samad.

Pada satu persidangan berita di sini, Ketua Wanita Umno Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman juga mengumumkan pelantikan Rokiah Bee Hassan sebagai Naib Ketua Wanita Umno Pulau Pinang.

Sabah juga mendapat Naib Ketua Wanita Umno yang baru iaitu Surinam Sadikun yang menggantikan Datuk Dayang Mahani Tun Pengiran Ahmad Rafaie.

Dr Noridah Ibrahim pula dilantik sebagai Penolong Bendahari menggantikan Azizah Abdul Samad dan Senator Kamilia Ibrahim dilantik Ketua Penerangan Wanita Umno menggantikan Datin Paduka Hajah Fatimah Suhaimi.

Surinam dan Rokiah Bee bersama Hajah Hamiah Khatib Awang (Pahang) dilantik sebagai anggota exco wanita yang baru.

Zaharah berkata rombakan itu dibuat semata-mata untuk memperkukuhkan kedudukan jentera wanita dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Beliau juga mengumumkan pelantikan pengerusi baru bagi sembilan biro. Mereka terdiri Noridah yang mempengerusikan Biro Kewangan, Kamilia (Penerangan), Mesrah Selamat (Pendidikan), Raja Ropiah Raja Abdullah (Perumahan dan Pembangunan Bandar), Datuk Maznah Hamid (Ekonomi), Khamsiyah Yeop (Tenaga Wanita), Datuk Sabariah Ahmad (Pertanian), Latifah Omar (Industri) dan Rokiah Bee (Kesihatan). Siti Zaharah sendiri kekal mempengerusikan Biro Politik dan Biro Pengurusan.

Semua pelantikan itu berkuatkuasa mulai mesyuarat Pergerakan Wanita akan datang kira-kira dua minggu lagi.

Siti Zaharah yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri, berkata maklumat balas yang diperolehinya daripada wanita di negeri-negeri yang telah dilawati oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menunjukkan rakyat menerima dengan baik penjelasan oleh Perdana Menteri berhubung isu semasa.

Mengenai jentera wanita, beliau berkata tumpuan mereka kepada akar umbi akan diteruskan termasuk merayu undi dari rumah ke rumah.

"Itulah kunci kepada keberkesanan perjalanan kita...cuma kali ini kita perkukuhkan pendekatan yang lebih bersepadu dan jentera kita (antara 600 hingga 1,500 orang mengikut keperluan bahagian masing-masing) akan dibekalkan bahan-bahan yang seragam untuk menangkis isu-isu yang dimainkan pembangkang," katanya.

Sambil menolak anggapan bahawa Wanita Umno kurang aktif dan lambat dalam menggerakkan jentera pilihan raya, Siti Zaharah berkata kerancakan di peringkat akar umbi sekarang disebabkan oleh gerakan bersepadu Wanita Umno seperti melalui projek Gerak 10 dan Gerak Mesranya.

-- BERNAMA

MNY MAI